

'Tanya kenapa Indonesia tidak mahu terima bantuan'

PUTRAJAYA 19 Sept. - "Awak perlu tanya kenapa Indonesia tidak mahu terima bantuan kita."

Itu reaksi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika ditanya kenapa Presiden Indonesia, Joko Widodo atau Jokowi sehingga kini tidak meminta bantuan Malaysia bagi memadamkan kebakaran hutan di negara itu.

Kebakaran hutan di Indonesia merupakan punca kepada jerebu rentas sempadan yang menjejaskan Malaysia dan Singapura.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sepanjang masa menawarkan bantuan kepada Indonesia bagi memadamkan kebakaran hutan di negara itu.

"Saya tak tahu kenapa dan bukan saya untuk bertanya (kepada Indonesia), awak (wartawan) perlu tanya (Presiden Indonesia, Joko Widodo) kenapa tak mahu terima bantuan kita (Malaysia).

"Kita ada pesawat pengebom air yang boleh digunakan (untuk operasi di Indonesia)," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa

Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Kali ke-10 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya kenapa Indonesia tidak menerima tawaran Malaysia untuk membantu memadamkan kebakaran hutan, walaupun kerajaan sebelum ini sudah mengemukakan tawaran kepada negara jiran terbabit.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menggunakan dron bagi melakukan pembenihan awan, seterusnya menghasilkan hujan dalam usaha mengurangkan kesan jerebu.

"Kita boleh menggunakan beberapa dron untuk menghasilkan hujan tiruan, misalnya di sekitar Putrajaya iaitu antara kawasan teruk terjejas," katanya.

Ditanya apakah lagi usaha pihak kerajaan untuk mengurangkan kesan jerebu, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah melakukan pelbagai perkara termasuk pembenihan awan dan mengagihkan topeng muka.